ALLIANCE BANK

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103W)

**NOTA PENTING:**

1. Sila lengkapkan semua maklumat yang diperlukan dalam tulisan yang boleh dibaca dan lampirkan butiran jika ruang yang disediakan tidak mencukupi. Mana-mana perkara yang tidak berkenaan mestilah dipalangkan dan dinyatakan sebagai N/A.
2. Sebarang pindaan yang dibuat mestilah jelas dan boleh dibaca dan juga ditandatangani oleh Pemohon.
3. Borang yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau rosak boleh mengakibatkan permohonan ditolak.
4. Sila baca terma dan syarat sebelum melengkapkan borang.

# BORANG PERMOHONAN AKAUN PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM/AKAUN BUKAN MARGIN

## A. BUTIRAN PERMOHONAN AKAUN

**Jenis Akaun Dagangan Saham**

**Dagangan Saham**

- ○ Dagangan Pendahuluan Tunai
- ○ Dagangan Bercagar
- ○ Dagangan Fleksi 7
- ○ Lain-lain (Sila jelaskan):________________

Tujuan : ○ ELI/ ELCI
○ Lain-lain (Sila jelaskan):________________

**Margin** - (Had Kredit Dipohon: RM [ ] )

- ○ Margin
- ○ Margin + Dagang
- ○ Margin Luaran
- ○ Pembiayaan Portfolio

  Kod Pakej Pembiayaan Portfolio: ________________
- ○ Pembiayaan Portfolio Luaran

  Kod Pakej Pembiayaan Portfolio Luaran: ________________
- ○ Lain-lain (Sila jelaskan): ________________

Catatan: ________________

## B. BERITAHU KAMI TENTANG DIRI ANDA

○ Encik ○ Cik ○ Puan ○ Lain-lain (Sila jelaskan): ________________

**Nama/Nama Syarikat (Seperti terkandung dalam dokumen berdaftar)**

[ ]

[ ]

**No. K.P. (Baru)/ No. Syarikat** [ ]

**Tarikh Lahir/ Tarikh Pendaftaran** [ ] (hh-bb-tttt)

**Kewarganegaraan/ Tempat Penubuhan** [ ]

**No. ID Alternatif (K.P. Lama/Polis/Tentera Pasport)** [ ]

**Negara Pengeluar Pengenalan Diri** [ ]

**Nombor Pendaftaran SST** [ ]

**Status Penduduk**

**Jantina** ○ Lelaki ○ Perempuan

○ Pemastautin

- Semua warganegara Malaysia kecuali yang berikut:
  **i.** Warganegara Malaysia yang telah memperoleh status Pemastautin Tetap (PR) sesebuah negara atau wilayah di luar Malaysia dan menetap di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam satu tahun asas. **ATAU**
- Bukan warganegara Malaysia yang telah memperoleh status Pemastautin Tetap (PR) di Malaysia dan biasanya menetap di Malaysia selama 182 hari atau lebih dalam setahun asas. **ATAU**
- Sebuah pertubuhan perbadanan yang diperbadankan atau ditubuhkan, atau didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia. **ATAU**
- Badan tidak diperbadankan yang didaftarkan dengan atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia. **ATAU**
- Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri.

○ Bukan Pemastautin

- Mana-mana orang selain daripada pemastautin. **ATAU**
- Warganegara Malaysia yang telah memperoleh status Pemastautin Tetap (PR) sesebuah negara atau wilayah di luar Malaysia dan menetap di Malaysia kurang daripada 182 hari dalam satu tahun asas. **ATAU**
- Cawangan luar negara, anak syarikat, pejabat wilayah, pejabat jualan atau pejabat perwakilan syarikat pemastautin. **ATAU**
- Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa.
  Untuk mengelakkan keraguan, ini termasuk Kedutaan Besar Malaysia, Konsulat dan Suruhanjaya Tinggi.

*Nota: Bagi individu yang mempunyai status Pemastautin Tetap, penentuan hendaklah berpandukan peraturan cukai sedia ada[1] di Malaysia.*
*[1]Sila rujuk laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di http://www.hasil.gov.my untuk maklumat terkini.*

**Taraf Perkahwinan** ○ Bujang ○ Berkahwin ○ Lain-Lain________________

**Bangsa** ○ Bumiputra ○ Cina ○ India
○ Lain-lain (Sila jelaskan): ________________

**Nama Ibu Sebelum Berkahwin (Bahagian yang perlu dilengkapkan atas sebab keselamatan)**

[ ]

**Alamat Rumah/Berdaftar (Seperti terkandung dalam K.P.)**

[ ]

[ ]

**Poskod** [ ] **Bandar** [ ] **Negeri** [ ]

**Negara** [ ]

**Alamat E-mel** [ ]

**No. Hubungan Pilihan** ○ No. Tel. Bimbit [ ] ○ Rumah [ ]
○ Pejabat [ ] ○ Faks [ ]

[ ]
Permulaan

## C. BUTIRAN KERJAYA/PERNIAGAAN

**Jenis Pekerjaan**

- ◯ Bergaji
- ◯ Bekerja Sendiri
- ◯ Penerima Komisyen
- ◯ Tidak Bekerja ( ◯ Pelajar ◯ Suri Rumah
  ◯ Lain-lain (Sila jelaskan): ____________________ )
- ◯ Bersara (Untuk Pesara, sila nytakan pekerjaan terakhir sebelum bersara): ____________________

| **Untuk kegunaan Bank Sahaja** | |
|---|---|
| **Kod Pekerjaan** | ____________ |
| **Sektor Pekerjaan** | ____________ |
| **Jenis Pekerjaan** | ____________ |
| **Kod Sektor Industri** | ____________ |
| **Kod AML SIC** | ____________ |
| **Kod iMatch SIC** | ____________ |

**Pekerjaan** ____________________

**Nama Majikan** ____________________

**Tempoh Bersama Syarikat** ☐☐ (TT) ☐☐ (BB)

**Alamat Majikan** ____________________

**Poskod** ________ **Bandar** ________ **Negeri** ________

**Negara** ____________________

**Jenis Perniagaan** ________ **Pendapatan bulanan (RM)** ________

## D. RUJUKAN KECEMASAN (MANDATORI)

**Nama (Seperti terkandung dalam dokumen berdaftar)** ____________________

**Perhubungan dengan Pemohon** ◯ Pasangan ◯ Anak ◯ Lain-lain (Sila jelaskan): ____________________

**No. Tel. Bimbit** ____________________

## E. PENILAIAN PELABURAN MENGENAI OBJEKTIF, PENGALAMAN & ANGGARAN NILAI BERSIH

1 **Tujuan Pelaburan**
*(anda boleh memberi lebih daripada 1 jawapan)*
◯ Dana Persaraan ◯ Simpanan ◯ Pendidikan Anak ◯ Pendapatan Tetap
◯ Perolehan Modal ◯ Lain-lain (sila nyatakan): ____________________

2 **Pelaburan apakah yang ingin anda sertai & apakah pengalaman pelaburan anda?**

- ◯ Saham (Tempatan) ________ Tahun
- ◯ Saham (Asing) ________ Tahun
- ◯ Simpanan/Deposit Tetap ________ Tahun
- ◯ Pelaburan Berstruktur ________ Tahun
- ◯ Bancassurance ________ Tahun
- ◯ Unit Amanah ________ Tahun
- ◯ Hartanah ________ Tahun
- ◯ Lain-lain ________ Tahun

Sekiranya jawapan anda turut merangkumi saham, sila teruskan ke soalan 3. Sebaliknya, sila teruskan ke soalan 5.

3 **Berapakah akaun perdagangan yang anda miliki?**

- ◯ Sila nyatakan bilangan akaun: ________
- ◯ Tiada

4 **Adakah anda mempunyai sebarang akaun Pembiayaan Margin Saham (SMF) dengan Bank/Bank Pelaburan/Broker lain?**

◯ Ya ◯ Tidak

5

| **Sumber dana** *(Sila tanda satu sahaja)* | **Sumber harta** *(Sila tanda satu sahaja)* |
|---|---|
| ◯ F01 - Gaji | ◯ F01 - Gaji |
| ◯ F03 - Perniagaan | ◯ F03 - Perniagaan |
| ◯ F16 - Simpanan | ◯ F16 - Simpanan |
| ◯ F07 - Harta pusaka | ◯ F07 - Harta pusaka |
| ◯ Lain-lain (sila nyatakan): | ◯ Lain-lain (sila nyatakan): |

**Nota*
*Sumber dana: Asal dana yang digunakan untuk pelaburan*
*Sumber harta: Asal harta/aset yang dimiliki*

6 **Anggaran Nilai Bersih (Jumlah Aset - Jumlah Liabiliti)**

- ◯ RM50,000 dan ke bawah
- ◯ RM50,001 – RM100,000
- ◯ RM100,001 – RM500,000
- ◯ RM500,001 – RM1,000,000
- ◯ RM1,000,001 – RM3,000,000
- ◯ Lebih daripada RM3,000,000

| |
|---|
| |
| Permulaan |

7 **Apakah kategori saham yang menarik minat anda?**

| | |
|---|---|
| ◯ Cip Biru | **Untuk pelaburan jangka panjang yang stabil**, anda ingin menambah kekayaan anda menerusi pulangan yang stabil untuk mencapai matlamat jangka panjang anda. |
| ◯ Saham Dividen | **Untuk pendapatan yang tetap**, anda ingin mendapatkan pendapatan tahunan yang tetap supaya anda dapat menyaingi kadar inflasi. |
| ◯ Saham Pertumbuhan | **Untuk tambah nilai modal**, anda sanggup mengambil risiko yang lebih tinggi bagi mendapatkan pulangan yang lebih tinggi. |

Kami menyediakan perkhidmatan dan panduan profesional untuk membina kekayaan menerusi pelaburan saham dan akaun CDS akan dibuka di bawah Penama. Anda boleh menikmati ciri-ciri /perkhidmatan CDS Penama seperti berikut

| | |
|---|---|
| **Nama Akaun** | Di bawah penama (contohnya Alliance Group Penama Tempatan bagi Lim Leong) |
| **Permohonan IPO** | Tidak layak |
| **Kertas kerja korporat** | Dikendalikan Oleh broker/ kakitanggan bank (menurut arahan dengan bayaran dikenakan) |
| **Dividen** | Dikreditkan kepada akaun perbankan dengan jurubank |
| **Menghadiri AGM** | Layak tetapi memerlukan Penama untuk membuat lantikan |
| **Laporan Tahunan** | Perlu meminta daripada Penama |
| **Pemindahan Saham** | Dikendalikan oleh broker/ kakitangan bank (menurut arahan dengan bayaran dikenakan). Saham hanya boleh dipindahkan ke akaun sendiri. |

## F. DATA KEWANGAN (PERMOHONAN KORPORAT SAHAJA)

**Premis Perniagaan** ◯ Sendiri ◯ Sewa

**Jenis Perniagaan** ____________

**Modal Saham Dibenarkan (RM)** ____________

**Modal Saham Diterbitkan & Berbayar (RM)** ____________

**Jumlah Tanggungan (RM)** ____________ setakat __ __ - __ __ - __ __ __ __

**Aset Ketara Bersih (RM)** ____________ setakat __ __ - __ __ - __ __ __ __

## G. PERHUBUNGAN AKAUN DENGAN KUMPULAN ALLIANCE BANK

Adakah anda sudah mempunyai akaun dengan subsidiari Kumpulan Alliance Bank? ◯ Ya ◯ Tidak

| Nama | Nombor Akaun |
|---|---|
| | |
| | |

Adakah anda sudah mempunyai akaun dengan subsidiari Kumpulan Alliance Bank? Sekiranya ya, sila berikan butiran berikut: ◯ Yes ◯ No

| Nama | Nombor Akaun |
|---|---|
| | |
| | |

**Pihak Berkepentingan**

Adakah anda mempunyai kaitan dengan mana-mana pekerja/pengarah/ perwakilan perdagangan Alliance Bank, atau adakah terdapat mana-mana pekerja/pengarah/perwakilan perdagangan *Alliance Bank yang memegang 5% atau lebih saham dalam syarikat anda? ◯ Ya ◯ Tidak

| Nama | Nombor NRIC | Perhubungan |
|---|---|---|
| | | |
| | | |

Adakah anda mempunyai perhubungan dengan perseorangan/ syarikat berkaitan yang mengekalkan akaun dengan *Alliance Bank? (Perseorangan yang perhubungan termasuk pasangan, rakan kongsi, rakan kongsi pasangan, syarikat di bawah kendali dan/atau kawalan pasangan. Korporat dianggap berkaitan di mana sebuah syarikat adalah syarikat induk atau anak syarikat perbadanan lain atau anak syarikat induk perbadanan lain ). ◯ Ya ◯ Tidak

| Nama | Nombor NRIC | Perhubungan |
|---|---|---|
| | | |
| | | |

*"Alliance Bank" di sini merujuk kepada Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiari-subsidiari milik penuhnya, iaitu Alliance Islamic Bank Berhad.

Permulaan

## H. BORANG CAJ & PILIHAN PEGHANTARAN NOTA KONTRAK

Saya dengan ini memperakui caj dan fi berikut: -

| **Dokumen/Aktiviti** | **Penyeteman/Fi Lain (RM)** |
|---|---|
| ○ Fi Pembukaan Akaun CDS | RM10 |
| ○ Lain-lain: ________________________ | __________ |

( ) Sila debit akaun penyelesaian saya yang akan dibuka dengan Alliance Bank/ akaun CASA sebanyak ______ sebagai bayaran tersebut.

Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai yang mungkin dikenakan pada masa akan datang (termasuklah Cukai Jualan & Perkhidmatan ("SST")), di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada tarikh pelaksanaan sebarang cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana yang berkenaan, Bank berhak menuntut cukai tersebut dari saya/kami.

Semua nota kontrak disediakan melalui platform perdagangan dalam talian. Sekiranya anda memerlukan salinan fizikal nota kontrak, sila tandakan "√ " pada berikut:

○ Saya menghendaki salinan fizikal nota kontrak dihantar ke alamat saya.

Bagi akaun Margin Langsung/Dagangan Saham, penyata akaun penyelesaian anda boleh didapati melalui Alliance Online (AOL) dan penyata portfolio dapat diperolehi di Platform Dagangan Saham/ StockBanking.
Bagi akaun Margin Luaran, penyata akaun penyelesaian anda boleh didapati melalui Alliance Online ("AOL") dan penyata portfolio juga boleh didapati melalui dalam talian/ External Margin Portal.

Sekiranya anda menghendaki peyata akaun penyelesaian dan penyata portfolio melalui emel, sila tandakan"√" pada berikut:
○ Saya menghendaki penyata akaun penyelesaian dan penyata portfolio melalui emel (seperti alamat emel di atas bahagian B)

## I. KENYATAAN PEDEDAHAN RISIKO WARAN BERSTRUKTUR

1 Penyata ini disediakan untuk anda mengikut arahan Peraturan Bursa Malaysia Securities ("Peraturan Bursa Securities").

2 Tujuan penyata ini ialah untuk memaklumkan anda (Pemohon) bahawa risiko kerugian dalam pembelian waran berstruktur boleh menjadi agak besar. Justeru anda seharusnya menilai jika pembelian waran berstruktur sesuai bagi anda berasaskan kedudukan kewangan anda. Semasa membuat keputusan untuk membeli waran berstruktur, anda hendaklah maklum tentang perkara berikut:
   (a) Pembeli waran berstruktur menghadapi risiko kerugian penuh harga belian asal waran berstruktur dan semua kos urus niaga;
   (b) Untuk merealisasikan sebarang nilai daripada waran berstruktur, waran berstruktur perlu dijual atau dilaksanakan pada atau sebelum tarikh luput;
   (c) Didalam keadaan tertentu, waran mungkin sukar dijual;
   (d) Apabila waran berstruktur dilaksanakan, pengeluar mungkin menunaikan tanggungjawabnya menerusi penyerahan sebenar asset asas, secara tunai atau kombinasi keduanya bergantung kepada syarat pengeluaran waran berstruktur;
   (e) Langkah meletakkan pesanan bersyarat, seperti "hentikan kerugian" atau "hentikan had" tidak semestinya menghadkan kerugian anda kepada jumlah yang dikehendaki. Keadaan pasaran mungkin menyebabkan pesanan sedemikian gagal dilaksanakan; dan
   (f) Tahap pengganda yang tinggi yang diperolehi daripada waran berstruktur kerana bayaran tunai/pelaburan awal yang kecil boleh membawa manfaat atau sebaliknya kepada anda. Penggunaan pengganda boleh menghasilkan kerugian yang besar dan juga keuntungan.

3 Penyata ringkas ini tidak boleh mendedahkan semua risiko dan aspek lain pembelian waran berstruktur. Justeru anda harus mengkaji termaterma dan syarat-syarat mana-mana waran berstruktur dengan teliti sebelum membuat keputusan untuk membeli. Jika anda ragu-ragu tentang sebarang aspek penyata ini atau terma waran berstruktur, anda harus berunding dengan broker anda.

## J. AKUAN PEMOHON

1 Saya/Kami mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan tepat. Saya/Kami tidak menyembunyikan sebarang fakta penting atau maklumat dan membenarkan Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) (selepas ini dirujuk sebagai "Bank") dan broker saham/syarikat broker saham yang dilantik untuk mengesahkan maklumat daripada sebarang sumber yang dianggap wajar olehnya.

2 Dengan menyerahkan permohonan ini, saya/kami dengan ini secara nyata dan tidak boleh ditarik balik memberikan kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk:
   a) Mendedahkan maklumat saya/kami kepada pihak berkuasa atau sumber yang berkaitan bagi mendapatkan dan/atau mengesahkan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya/kami daripada pihak berkuasa cukai atau sumber yang berkaitan untuk tujuan e-Invois; dan
   b) Menggunakan maklumat berkaitan saya/kami yang diberikan di sini termasuk nombor TIN yang telah disahkan untuk pengeluaran e-Invois atau dokumentasi berkaitan bagi sebarang urus niaga yang berkenaan selaras dengan undang-undang dan peraturan cukai yang terpakai.

   Untuk maklumat lanjut mengenai keperluan e-Invois LHDN, sila lawat laman web LHDN di https://www.hasil.gov.my/e-invois/

3 Saya/Kami dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank (termasuklah broker saham/syarikat broker saham yang dilantik) untuk mengesahkan dengan dan/atau mendedahkan kepada pihak(-pihak) yang dinyatakan dalam Fasal 17 (Pendedahan Maklumat) dalam Terma dan Syarat yang terkandung di sini yang dianggap wajar olehnya termasuklah tetapi tidak terhad kepada Biro Kredit Bank Negara Malaysia (BNM), Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat BNM dan/atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh BNM, maklumat berkenaan atau berkaitan dengan saya/kami sama ada kewangan atau sebaliknya, bagi tujuan yang dianggap wajarolehnya.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

## J. AKUAN PEMOHON

4 Saya/kami memberi kuasa kepada Bank untuk mengesahkannya dari mana-mana sumber yang dipilih oleh Bank dan seterusnya mencari dan mendapatkan maklumat kredit berhubungan dengan permohonan saya/kami daripada mana-mana agensi pelaporan kredit ditadbir oleh Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA"). Saya/Kami memahami maklumat ini akan diguna untuk tujuan penilaian kelayakan kredit saya/kami untuk permohonan ini, menjalankan kajian kredit untuk pengurusan kredit risiko Bank dan penilaian peluang pembiayaan masa hadapan.

5 Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan dan bersetuju bahawa sebarang data/maklumat (termasuk data peribadi) yang berkaitan dengan atau timbul daripada atau berhubung dengan permohonan saya/kami di bawah ini dan juga maklumat yang berkenaan dengan urusan saya/kami sama ada yang terkandung di bawah atau sebaliknya untuk disimpan, digunakan dan didedahkan oleh Bank (termasuk broker saham/syarikat broker saham yang dilantik) bagi tujuan memproses permohonan ini.

6 Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran dan mengizinkan Bank (termasuk broker saham/syarikat broker saham yang dilantik) untuk menyediakan sebarang maklumat berkenaan saya/kami, permohonan ini, akaun dan kemudahan saya/kami pada ketika ini atau yang akan datang, produk dan/atau perkhidmatan daripada/dengan Bank atau broker saham/syarikat broker saham yang dilantik, kepada mana-mana institusi kewangan yang memberi atau berniat untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada saya/kami, mana-mana biro kredit, mana-mana pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak berkuasa cukai, badan, individu atau agensi yang relevan yang sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau organisasi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), mana-mana institusi kewangan lain atau organisasi untuk memudahkan pelaksanaan arahan yang diberi oleh saya/kami merujuk kepada akaun kredit, produk dan/atau perkhidmatan daripada/dengan Bank (termasuk broker saham/syarikat broker saham yang dilantik), pihak-pihak sekuriti (termasuk penjamin), dan juruaudit, peguam, dan/atau ejen Bank. Saya/Kami dengan ini memberikan persetujuan kepada pendedahan tersebut. Saya/Kami selanjutnya dengan nyata bersetuju dan memberi kuasa (i) BNM untuk mendedahkan maklumat kredit saya/kami berhubung dengan mana-mana kemudahan kredit saya/kami dengan Bank kepada mana-mana institusi kewangan lain, agensi pelaporan kredit, dan mana-mana pihak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh BNM, dan (ii) institusi kewangan lain, agensi pelaporan kredit serta mana-mana pihak lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh BNM untuk menggunakan maklumat kredit tersebut berhubung dengan mana-mana kemudahan kredit saya/kami dengan Bank bagi tujuan yang diperuntukkan di bawah seksyen 47(2) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7 Saya/Kami mengakui bahawa satu salinan Lembaran Maklumat Produk (PDS), (sekiranya berkenaan) telah disediakan untuk simpanan saya/kami. Saya/Kami secara muktamad bersetuju bahawa Bank berhak menolak permohonan atau mengurangkan amaun (iaitu menawarkan saya/kami pembiayaan/kemudahan yang lebih rendah daripada yang dipohon) tanpa persetujuan saya/kami atau tanpa memberikan sebarang alasan. Saya/Kami memahami dan mengakui bahawa amaun sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang akan diberi oleh Bank adalah bergantung kepada penilaian kredit dan tertakluk kepada kelulusan Bank dan pemberian Lembaran Maklumat Produk kepada saya/kami tidak bermakna Bank mempunyai obligasi untuk memberikan sebarang kemudahan kepada saya/kami. Bank berhak untuk tidak mendedahkan atau memberikan sebarang alasan sekiranya permohonan tersebut tidak berjaya.

8 Saya/Kami mengakui bahawa segala fi dan caj dapat diperolehi di laman web korporat Bank untuk rujukan saya/kami.

9 Saya/Kami mengakui dan bersetuju bahawa Bank boleh menyimpan, demi kebaikan Bank dan tanpa sebarang obligasi untuk menjelaskan kepada saya/kami, sebarang faedah yang diterima oleh Bank dari wang saya/kami yang disimpan dalam akaun amanah ("Wang Klien") yang diuruskan oleh Bank mengikut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Tertakluk kepada yang tersebut di atas, Bank boleh, dari semasa ke semasa, membayar faedah tersebut sebagaimana yang ditetapkan kepada saya/kami berhubung dengan Wang Klien tersebut setelah mengambil kira sebarang cukai pegangan dan sebarang perbelanjaan pentadbiran yang ditanggung oleh Bank untuk menyenggarakan akaun amanah dan saya/kami bersetuju dan memperakui bahawa sebarang faedah yang dibayar oleh Bank kepada saya/kami mungkin kurang daripada jumlah yang diterima oleh Bank.

10 Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa tiada suami/isteri, ibu bapa, anak-anak, saudara lelaki, saudara perempuan, pasangan mereka dan/atau tanggungan kewangan mereka dan/atau ejen serta penjamin kami ynag bekerja dengan Bank atau subsidiarinya atau mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank atau subsidiarinya. Saya/Kami berikrar untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera sekiranya sebarang petalian sedemikian wujud/akan diwujudkan.

11 Saya/kami mengakui dan mengisytiharkan bahawa saya/kami telah menerima satu salinan KENYATAAN PEDEDAHAN RISIKO WARAN BERSTRUKTUR dan memahami kandungannya yang telah dijelaskan kepada saya/kami.

12 Saya/kami mengakui dan mengisytiharkan bahawa sebagai pelabur Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W) (selepas ini dikenali sebagai "ABMB"), saya/kami tidak akan dilindungi oleh dana pampasan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA). Dana pampasan tidak melindungi pelabur yang telah menanggung kerugian kewangan yang disebabkan oleh penyalahgunaan, atau penyelewengan wang atau harta lain yang berunsur penipuan, oleh pengarah, pegawai, kakitangan atau wakil ABMB. Sekiranya saya/kami menanggung kerugian wang sebagaimana yang tersebut di atas, saya/kami boleh membuat aduan dengan ABMB (maklumat seperti di bawah).

Sekiranya saya/kami tidak berpuas hati dengan keputusan ABMB, saya/kami boleh merujuk kepada BNMLINK atau Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (maklumat seperti di bawah). Ia mestilah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan selepas menerima keputusan muktamad dari ABMB.

| **Customer Care Unit** | **BNMLINK** | **FMOS** |
|---|---|---|
| Alliance Bank Malaysia Berhad<br>Level 22, Menara Alliance Bank<br>No. 159, Jalan Ampang,<br>50450 Kuala Lumpur, Malaysia.<br><br>Tel: 03-2600 1800<br>Emel: info@alliancefg.com | 4th Floor, Podium Bangunan AICB,<br>No. 10, Jalan Dato' Onn,<br>50480 Kuala Lumpur.<br><br>Tel.: 1-300-88-5465 (Malaysia) or<br>+603 2174 1717 (Overseas)<br>Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00 p.m.<br>(Monday – Friday except for public holiday)<br>Website: bnm.gov.my/BNMLINK | Level 14, Main Block,<br>Menara Takaful Malaysia,<br>No.4, Jalan Sultan Sulaiman,<br>50000 Kuala Lumpur.<br><br>Tel.: +603 2272 2811<br>Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00 p.m.<br>(Monday – Friday except for public holiday)<br>Website: https://www.fmos.org.my |

| |
|---|
| |
| Permulaan |

## K. FASAL PEDEDAHAN PDPA

Saya/Kami dengan ini seterusnya memberi kebenaran dan membenarkan Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan saya/kami, kemudahan saya/kami, produk dan/atau perkhidmatan saya/kami bagi tujuan pertalian strategik, jualan silang, pemasaran dan promosi, kepada jabatan dan/atau unit lain di Bank, syarikat lain dalam Alliance Bank*, agensi pengutipan kredit dan hutang, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, sistem vendor, penasihat professional iaitu peguam cara, firma penilai hartanah, penanggung insuran, pengendali takaful, syarikat pengurusan unit amanah, broker, syarikat penerbit, syarikat pelaksanaan, peniaga atau rakan kongsi perniagaan yang menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan bank.

Merujuk kepada perkara di atas, saya/kami memahami maklumat yang terhad kepada nama saya/kami, butiran hubungan, maklumat produk dan perkhidmatan serta maklumat kewangan hendaklah dipegang oleh Bank dari semasa ke semasa dan hanya boleh digunakan oleh Bank untuk tujuan pemasaran langsung. Saya/Kami memahami bahawa saya/kami mempunyai hak untuk menarik balik atau membatalkan persetujuan saya/kami untuk maklumat saya/kami digunakan untuk pemasaran langsung pada bila-bila masa tanpa menjejaskan prestasi kontrak oleh Bank dengan meghubungi Bank di talian 03-5516 9988.

Bagi mengelakkan keraguan, kebenaran yang diberikan di sini akan mengatasi semua kebenaran terdahulu/sebelum ini yang diberikan oleh saya/kami kepada mana-mana entiti lain dalam Bank.

○ Ya ○ Tidak

*Bank di sini merujuk kepada Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiari-subsidiari milik penuhnya, iaitu Alliance Islamic Bank Berhad

(Pemohonan Korporat Sahaja)
Kami dengan ini mengisytiharkan dan menjamin bahawa kami telah mendapatkan dan/atau akan mendapatkan persetujuan pegawai, kakitangan, penandatangan yang diberi kuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, penyedia sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak yang berkaitan (sekiranya berkenaan) untuk memproses data peribadi mereka bagi tujuan permohonan ini.

## L. BORANG PENGISYTIHARAN- COMMON REPORTING STANDARD ("CRS") & FOREIGN ACCOUNT TAX COMPLIANCE ACT ("FATCA")

Sila berunding dengan penasihat cukai, undang-undang dan/atau penasihat profesional anda yang lain sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan mengenai atau berhubung dengan CRS dan FATCA, Peraturan tersebut serta maklumat yang diperlukan dalam borang ini.

**CRS**

**Bahagian 1 - Perakuan Negara/Wilayah Bidang Kuasa Pemastautin**

Saya/Kami membuat pernyataan dan mengakui bahawa saya/kami adalah/Orang yang Mengawal:

○ Pemastautin cukai Malaysia (Sila lengkapkan Bahagian 2 – jika berkenaan)

○ Pemastautin cukai Malaysia dan pemastautin cukai bukan warganegara Malaysia(Sila lengkapkan Bahagian 2)

○ Pemastautin cukai bukan warganegara Malaysia (Sila lengkapkan Bahagian 2)

**Bahagian 2 - Perakuan Nombor Pengenalan Pembayar Cukai**

Sila nyatakan perakuan negara dan Nombor Pengenalan Pembayar Cukai yang berkenaan di mana anda adalah pemastautin cukai (jika berkenaan) yang bukan warganegara Malaysia atau warganegara Malaysia:

| Negara/Wilayah bidang kuasa pemastautin cukai | Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (TIN) | Tiada TIN kerana (sila pilih satu, rujuk kepada tafsiran di bawah) |
|---|---|---|
| | | ☐ Sebab 1 / ☐ Sebab 2 / ☐ Sebab 3:<br>(jelaskan mengapa TIN tidak dapat diberikan) |

*Tiada TIN atas sebab-sebab berikut:*
*Sebab 1 - Negara/wilayah bidang kuasa mastautin cukai tidak mengeluarkan TIN kepada pemastautinnya.*
*Sebab 2 - TIN tidak diperlukan. (Nota: Pilih sebab ini hanya sekiranya undang-undang tempatan di wilayah bidang kuasa yang berkaitan tidak menghendaki pengambilan TIN yang dikeluarkan oleh wilayah bidang kuasa tersebut.)*
*Sebab 3 - Tiada TIN atas sebab-sebab lain*

**Bahagian 3 - Jenis Entiti (Pemohonan Korporat Sahaja)**

1. Sekiranya anda adalah sebuah Institusi Kewangan, sila pilih salah satu daripada jenis Institusi Kewangan yang berikut:
   - ○ (a) Institusi Depositori, Institusi Penjaga atau Syarikat Insurans Tertentu.
   - ○ (b) Entiti Pelaburan (rujuk tafsiran di bawah).
   - ○ (c) Entiti Pelaburan yang terletak di wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai (rujuk tafsiran di bawah).
2. Sekiranya anda telah memilih Bahagian 3(1)(c) di atas atau anda telah memilih dalam seksyen FATCA /borang tambahan (potong mana yang berkenaan) bahawa anda adalah NFFE (Entiti Asing Bukan Kewangan) Pasif (iaitu sebuah entiti yang sebahagian besar hasil pendapatannya (sekurang-kurangnya 50%) adalah dari aktiviti pelaburan), sila lengkapkan (a) dan (b) di bawah:
   (a) Nyatakan nama mana-mana Orang yang Mengawal
   1) ____________________
   2) ____________________
   3) ____________________
   dan
   (b) Lengkapkan Borang Perakuan Pembayar Cukai Pemastautin Individu bagi setiap Orang yang Mengawal (sila dapatkan borang tersebut daripada pegawai jualan)

**FATCA**

Saya/Kami mengakui bahawa saya/kami adalah

○ Warga Amerika Syarikat (A.S.) (rakyat atau residen A.S. atau pemegang kad hijau A.S. atau pemegang pasport A.S.) - **Sila isikan Borang W-9**
○ Bukan Warga A.S.

Sila lengkapkan (jika berkenaan)

○ Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami dilahirkan di A.S tetapi saya/kami bukan Warga A.S. Saya/Kami tidak memiliki “Sijil Kehilangan Kewarganegaraan”, kerana saya/kami telah:
   ○ (a) Kehilangan sijil tersebut, atau
   ○ (b) Sebab lain, (sila terangkan) ____________________
○ Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa tempat kediaman saya/kami adalah di Malaysia dan satu-satunya alamat yang saya/kami ada untuk surat- menyurat ialah Peti Surat atau alamat "di bawah alamat".

| |
|---|
| Permulaan |

**Nyatakan Kategori Entiti (PEMOHONAN KORPORAT SAHAJA)**

| Pilih salah satu daripada yang berikut: | | **FATCA** (untuk kegunaan bank sahaja) |
|---|---|---|
| ○ Bukan entiti kerajaan Amerika Syarikat | | C |
| ○ Bukan bank pusat Amerika Syarikat | | C |
| ○ Entiti tersenarai awam (bukan-FI) yang didagangkan di Bursa Malaysia atau bursa saham lain di luar Amerika Syarikat, termasuklah subsidiarinya | | D |
| ○ Hasil pendapatan entiti tersebut sebahagian besarnya (sekurang-kurangnya 50%) adalah dari aktiviti perniagaan utamanya (selain daripada aktiviti pelaburan)<br><u>Pengisytiharan:</u><br>○ Sebuah entiti, di luar Amerika Syarikat, yang bergiat dalam perniagaan selain daripada yang dijalankan oleh institusi kewangan | | F |
| ○ Institusi Kewangan (FI) di luar Amerika Syarikat<br>Klasifikasi FATCA (Rujuk kepada Borang W8-BEN-E): ____________________ | Sekiranya dipilih, sila lengkapkan Borang W-8BEN-E | G-T |
| ○ Entiti diperbadankan/ditubuhkan di Amerika Syarikat:<br>Sila pilih salah satu daripada kategori berikut:<br>○ Individu A.S. tertentu (Rujuk Borang W9)<br>○ Individu A.S. yang tidak dinyatakan (Rujuk Borang W9) | Sekiranya dipilih, sila lengkapkan Borang W-9 | A<br>B<br>W<br>(sekiranya W9 TIDAK dilengkapkan) |
| ○ Sebahagian besar daripada hasil pendapatan entiti (sekurang-kurangnya 50%) adalah dari aktiviti pelaburan<br><u>Pengisytiharan:</u><br>○ Sebuah entiti, di luar Amerika Syarikat, yang terlibat dalam perniagaan selain daripada yang dijalankan oleh institusi kewangan<br><br><u>Sila pilih salah satu daripada yang berikut:</u><br>Adakah entiti ini mempunyai Pemilik Amerika Syarikat yang mempunyai milikan yang besar?<br>○ Yes<br>○ No | Sekiranya pilihan "ya", sila lengkapkan Borang W-8BEN-E | U<br>V<br>(sekiranya W-8BEN-E TIDAK dilengkapkan) |
| ○ Tiada yang tersebut di atas | Sila lengkapkan Borang W-8BEN-E | G<br>(sekiranya W-8BEN-E TIDAK dilengkapkan) |

**<u>Akuan</u>**

Saya/Kami mengakui bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, tepat dan lengkap dan saya/kami tidak menyembunyikan sebarang maklumat tentang diri saya/kami. Saya/Kami faham bahawa terma "warga A.S. (1)" bermaksud mana-mana rakyat atau residen Amerika Syarikat.

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan memberi kuasa pada Alliance Bank Malaysia Berhad/Alliance Islamic Bank Berhad atau mana-mana syarikat sekutunya, termasuk cawangan (secara kolektifnya "Bank") untuk melaporkan maklumat saya/kami kepada pihak berkuasa domestik atau asing dan/atau pihak berkuasa cukai (di mana perlu) menurut keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing A.S. seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.

Saya/Kami mengakui bahawa maklumat yang terkandung dalam Borang ini dan maklumat saya/kami serta sebarang akaun kena lapor mungkin akan diberikan kepada penguasa cukai di negara/wilayah bidang kuasa di mana akaun ini diselenggara dan dikongsi dengan penguasa cukai di negara/wilayah bidang kuasa lain di mana saya/kami mungkin merupakan pemastautin cukai, menurut perjanjian antara kerajaan untuk berkongsi maklumat akaun kewangan.

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa Bank boleh menahan daripada akaun (akaun-akaun) saya/kami sejumlah wang seperti yang diperlukan oleh pihak berkuasa kawal selia domestik atau asing dan/atau pihak berkuasa cukai menurut keperluan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing A.S. seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan yang berkenaan.

Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mengklasifikasikan entiti tersebut sebagai pemegang akaun rekalsitran atau institusi kewangan asing yang tidak mengambil bahagian ("NPFFI") dan/atau menamatkan, menggantung, membatalkan dan/atau menarik balik akaun dan/atau kemudahan yang diberikan kepada entiti tersebut, sekiranya saya/kami gagal memberikan maklumat yang tepat dan lengkap dan/atau dokumentasi sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank.

Jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat yang diberikan kepada Bank yang menjadikan saya/kami sebagai warga A.S. atau yang bersikap degil (mereka yang gagal mematuhi permintaan yang munasabah untuk maklumat bagi menentukan jika akaun ini milik warga A.S.), Bank berhak untuk menamatkan, menggantung, membatalkan dan/atau menarik balik akaun dan/atau kemudahan yang diberikan kepada saya/kami.

Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami adalah pemilik benefisial segala akaun yang dirujuk dalam Borang ini.

Saya/Kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada Kumpulan ABMB dalam tempoh 30 hari apabila terdapat sebarang perubahan keadaan yang menjejaskan status mastautin cukai saya/kami atau menyebabkan maklumat yang terkandung di sini menjadi tidak tepat atau tidak lengkap, dan untuk menyediakan perakuan diri dan Pengisytiharan yang telah dikemas kini sewajarnya kepada Kumpulan ABMB dalam tempoh 30 hari selepas terjadinya perubahan keadaan tersebut.

Saya/Kami berjanji untuk memberitahu Bank secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar jika terdapat sebarang perubahan dalam mana-mana maklumat yang telah saya/kami berikan pada Bank.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**Tandatangan Pemohon/ Pengiktirafn Sah & Stamp Syarikat**

*Tandatangan dalam kotak ini*

**Nama:**
**No. Pengenalan:**
**Tarikh (hh/bb/tttt):**

**Tandatangan pengiktirafan sah (PEMOHONAN KORPORAT SAHAJA)**

| Nama | Tandatangan | No. K.P/ No. Pasport | Jawatan | No. Tel. Bimbit | Alamat E-mel | Penjamin |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | ○ YA<br>○ TIDAK |
| | | | | | | ○ YA<br>○ TIDAK |
| | | | | | | ○ YA<br>○ TIDAK |

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**Tafsiran Istilah Tertentu**
**CRS**

(a) Nombor Pengenalan Pembayar Cukai (TIN)
Istilah TIN bermaksud Nombor Pengenalan Pembayar Cukai atau yang setara dengannya dari segi fungsi sekiranya tiada TIN. TIN adalah kombinasi unik huruf atau nombor yang dikeluarkan oleh wilayah bidang kuasa kepada individu dan digunakan untuk mengenal pasti individu bagi tujuan pentadbiran undang-undang percukaian bagi wilayah bidang kuasa tersebut. Sebagai contoh, di Malaysia,TIN merupakan nombor pengenalan yang diterbitkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia kepada individu.

(b) Pemastautin cukai Malaysia (Sila layari: http://www.hasil.gov.my)
Tafsiran di bawah diambil dari Seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967.

(1) Untuk tujuan Akta ini, seseorang individu adalah pemastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran tertentu sekiranya –

a) individu tersebut berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang keseluruhannya berjumlah seratus lapan puluh dua hari atau lebih
b) individu tersebut berada di Malaysia dalam tahun asas untuk suatu tempoh yang kurang daripada seratus lapan puluh dua hari dan tempoh tersebut adalah dihubungkan oleh atau dengan satu tempoh lain yang berjumlah seratus lapan puluh dua hari berturut-turut atau lebih (kemudian daripada ini dirujuk dalam perenggan ini sebagai tempoh tersebut) di mana sepanjang tempoh itu individu tersebut berada di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran sebelum tahun taksiran yang tertentu atau dalam tahun asas untuk tahun taksiran selepas tahun taksiran yang tersebut:
Dengan syarat sebarang ketiadaan sementara dari Malaysia –
   i. berkaitan dengan khidmatnya di Malaysia dan disebabkan oleh hal-hal perkhidmatan atau menghadiri persidangan atau seminar atau belajar di luar negara;
   ii. disebabkan oleh keuzuran yang melibatkan dirinya sendiri atau ahli keluarga terdekatnya; dan
   iii. merujuk kepada lawatan sosial yang secara keseluruhannya tidak melebihi empat belas hari,
harus dikira sebagai sebahagian daripada tempoh tersebut atau tempoh itu, mengikut mana yang berkenaan, sekiranya individu itu berada di Malaysia sebelum dan selepas ketiadaan sementara tersebut;
c) individu itu berada di Malaysia dalam tahun asas tersebut untuk tempoh atau tempoh-tempoh yang keseluruhannya berjumlah sembilan puluh hari atau lebih, yang merujuk kepada setiap tiga daripada tahun-tahun asas untuk empat tahun taksiran sebelum tahun taksiran tertentu sama ada-
   i. bermastautin di Malaysia menurut maksud Akta ini bagi tahun asas yang berkenaan; atau
   ii. berada di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang keseluruhannya berjumlah sembilan puluh hari atau lebih bagi tahun asas yang berkenaan; atau
d) individu tersebut bermastautin di Malaysia menurut maksud Akta ini bagi tahun asas untuk tahun taksiran yang berikutnya selepas tahun taksiran tertentu, setelah bermastautin bagi setiap tahun asas untuk tiga tahun taksiran sebelum tahun taksiran tersebut.

(1A) Untuk tujuan subseksyen (1), seseorang individu harus dianggap sebagai berada di Malaysia selama sehari sekiranya individu tersebut berada di Malaysia selama sebahagian atau beberapa bahagian daripada hari tersebut dan untuk memastikan tempoh individu itu berada di Malaysia dalam mana-mana tahun, sebarang hari (dalam subseksyen (1)(a) dan (c)) individu itu berada di Malaysia harus diambil kira sama ada hari tersebut merupakan sebahagian daripada suatu tempoh yang berterusan beliau berada di Malaysia atau tidak.

(1B) Walau apa pun subseksyen (1), di mana seseorang individu yang merupakan warganegara dan:
a) bekerja dalam perkhidmatan awam atau pihak berkuasa berkanun; dan
b) tiada di Malaysia pada mana-mana hari dalam tahun asas untuk tahun taksiran tertentu kerana:
   i. menjalankan tugas di luar Malaysia; atau
   ii. menghadiri sebarang kursus pengajian di mana-mana institusi atau badan profesional di luar Malaysia yang ditaja sepenuhnya oleh majikan,

individu tersebut dianggap sebagai pemastautin bagi tahun asas untuk tahun taksiran tertentu dan bagi tahun-tahun asas yang seterusnya semasa individu tersebut tiada di Malaysia.

(c) Entiti Pelaburan
Sebarang entiti yang menjalankan perniagaan dengan melaksanakan satu atau lebih aktiviti atau operasi berikut untuk dan bagi pihak pelanggannya
   i. perdagangan dalam instrumen pasaran wang (cek, bil, sijil deposit, derivatif, dll.), tukaran asing, bursa, kadar faedah dan instrumen indeks, sekuriti boleh pindah milik atau perdagangan niaga hadapan komoditi;
   ii. pengurusan portfolio secara individu dan kolektif;
   iii. sebaliknya melabur, mentadbir, atau menguruskan Aset Kewangan atau wang bagi pihak orang lain (pengurus pelaburan/penasihat pelaburan adalah termasuk dalam tafsiran Entiti Pelaburan)

Sebarang entiti yang hasil pendapatan kasarnya adalah dari pelaburan, pelaburan semula atau dagangan Aset Kewangan, sekiranya Entiti tersebut diuruskan oleh Entiti lain yang merupakan Institusi Depositori, Institusi Penjaga, Syarikat Insurans Tertentu atau Entiti Pelaburan yang dinyatakan dalam (a) di atas.

Sebuah entiti "diuruskan oleh" entiti lain sekiranya entiti pengurus tersebut menjalankan, sama ada secara langsung atau tidak langsung atau melalui penyedia perkhidmatan lain bagi pihak entiti yang diuruskan, sebarang aktiviti atau operasi yang dinyatakan dalam (b) di atas.

Sebuah entiti hanyalah menguruskan entiti lain sekiranya ia mempunyai kuasa budi bicara untuk menguruskan aset entiti lain tersebut (sama ada keseluruhan atau sebahagiannya). Sekiranya sebuah entiti diuruskan oleh beberapa institusi kewangan, NFE atau individu, entiti tersebut dianggap sebagai diuruskan oleh entiti lain iaitu Institusi Depositori, Institusi Penjaga, Syarikat Insurans Tertentu, atau Entiti Pelaburan Lain sebagaimana yang dinyatakan dalam (b) di atas, sekiranya mana-mana Entiti Pengurus adalah entiti seperti yang tersebut.

(d) Entiti Pelaburan yang terletak di dalam wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai

Entiti Pelaburan (ditakrifkan dalam (b) di atas) yang terletak dalam wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai. Rujuk kepada laman web https://www.oecd.org bagi negara-negara yang disenaraikan sebagai wilayah bidang kuasa yang menyertai.

(e) Orang yang Mengawal

Orang yang Mengawal adalah orang sebenar yang secara muktamad mempunyai kepentingan pemilikan yang mengawal (25%) dalam entiti tersebut. Sekiranya tiada orang sebenar yang dikenal pasti mengawal entiti tersebut menerusi kepentingan pemilikan, Orang yang Mengawal entiti adalah orang sebenar yang mengawal entiti tersebut melalui cara lain. Sekiranya tiada orang sebenar yang dikenal pasti mengawal entiti tersebut menerusi kepentingan pemilikan, maka di bawah CRS, Orang Kena Lapor adalah dianggap sebagai orang sebenar yang memegang jawatan pegawai pengurusan kanan.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**FATCA**

(1) Terma warga A.S. atau warga Amerika Syarikat bermaksud individu yang dinyatakan dalam seksyen 7701(a)(30) Kod Hasil Dalam Negeri:
(A) rakyat atau residen Amerika Syarikat,
(B) perkongsian Amerika Syarikat,
(C) korporat Amerika Syarikat,
(D) mana-mana estet (selain estet yang mana pendapatan, daripada sumber tanpa Amerika Syarikat yang secara efektifnya tidak berkait dengan urusan perdagangan atau perniagaan di dalam Amerika Syarikat, tidak termasuk dalam pendapatan kasar di bawah Kod Hasil Dalam Negeri), dan
(E) mana-mana amanah jika
i. Mahkamah dalam Amerika Syarikat berupaya melaksanakan pengawasan utama ke atas pentadbiran amanah, dan
ii. Satu atau lebih individu Amerika Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan penting amanah.

(2) Institusi Kewangan bermaksud sebarang entiti yang:
i. Menerima deposit dalam perjalanan biasa urusan institusi perbankan atau yang seumpamanya (institusi depositori), atau
ii. Memegang, sebagai sebahagian besar perniagaannya, aset kewangan bagi manfaat seorang atau lebih individu lain (institusi penjaga); atau
iii. merupakan entiti pelaburan; atau
iv. merupakan sebuah syarikat insurans yang mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran merujuk kepada, insurans nilai tunai atau kontrak anuiti (syarikat insurans tertentu); atau
v. merupakan sebuah entiti yang merupakan syarikat induk atau pusat perbendaharaan (yang merupakan sebahagian daripada kumpulan (i) – (v) di atas atau ditubuhkan sebagai instrumen pelaburan kolektif, dana bersama, dana dagangan bursa, dana ekuiti persendirian, dana lindung nilai, dana modal teroka, dana beli habis leveraj, atau sebarang instrumen pelaburan seumpamanya yang ditubuhkan dengan strategi pelaburan untuk menjalankan pelaburan, pelaburan semula, atau dagangan aset kewangan

(3) Pemilik A.S. yang mempunyai milikan besar bermaksud:
i. Merujuk kepada mana-mana perbadanan asing, sebarang individu A.S. tertentu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 10 peratus saham syarikat tersebut (dari segi undi atau nilai)
ii. Merujuk kepada sebarang perkongsian asing, mana-mana individu A.S. tertentu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 10 peratus daripada kepentingan keuntungan atau kepentingan modal dalam perkongsian tersebut; dan
iii. Dalam hal amanah:
(a) Mana-mana individu A.S. tertentu yang dianggap sebagai pemilik bagi sebarang bahagian amanah tersebut di bawah seksyen 671 hingga 679; dan
(b) Mana-mana individu A.S. tertentu yang memegang, secara langsung atau tidak langsung, lebih daripada 10 peratus kepentingan bermanfaat amanah tersebut.

## M. PENGISTIHARAN MENGENAI ORANG YANG TERDEDAH POILITIK (“PEP”)

Saya/ Kami menyatakan bahawa saya/ kami merupakan orang yang terdedah secara politik ("PEP") / ahli keluarga PEP/ rakan rapat dari PEP.

○ Ya ○ Tidak

Orang yang terdedah secara politik ("PEP")
Merujuk kepada:
(a) PEP asing – individu yang atau telah diberi kepercayaan untuk menjalankan fungsi awam yang terkemuka oleh negara asing. Contohnya, Ketua Negara atau pemerintah, ahli politik kanan, pemerintah kanan, pegawai kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan syarikat milik negara, pegawai parti politik penting.
(b) PEP dalam negeri – individu yang atau telah diberi kepercayaan dalam negeri untuk menjalankan fungsi awam yang terkemuka. Contohnya, Ketua Negara atau pemerintah, ahli politik kanan, pemerintah kanan, pegawai kehakiman atau ketenteraan, eksekutif kanan syarikat milik negara, pegawai parti politik penting.
(c) Orang yang atau telah diberi kepercayaan untuk menjalankan fungsi awam yang terkemuka oleh organisasi antarabangsa yang merujuk kepada ahli pengurusan kanan. Contohnya, pengarah, timbalan pengarah, dan ahli lembaga pengarah atau fungsi yang setara
Takrifan PEP bukan bertujuan untuk merangkumi peringkat pertengahan atau individu yang lebih junior dalam kategori di atas.

Rakan rapat dari PEP
Merujuk kepada individu yang berkait rapat kepada orang yang terdedah secara politik ("PEP"), sama ada secara sosial atau profesional. Rakan rapat dalam konteks ini termasuklah:
(a) ahli keluarga lanjutan, seperti relatif (hubungan biologi dan bukan biologi);
(b) individu yang bergantung pada kewangan(cth. orang yang digaji oleh PEP seperti pemandu as drivers, pengawal peribadi, setiausaha);
(c) rakan niaga atau sekutu PEP;
(d) ahli terkemuka dalam organisasi yang sama denganPEP;
(e) individu bekerja rapat dengan PEP (cth. rakan sekerja); atau
(f) kawan rapat.

## N. UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA

**Pengiktirafan Sah (UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA)**

Saya mengesahkan bahawa berdasarkan maklumat yang diperolehi berhubung dengan pembukaan akaun, termasuklah sebarang dokumentasi yang dikumpul menurut prosedur KYC/AML, tiada sebab untuk mengetahui bahawa perakuan diri yang diberikan oleh Pelanggan/Orang yang Mengawal (potong mana yang tidak berkenaan) adalah tidak tepat atau tidak boleh dipercayai.

Jika pemohon ialah Entiti Pelaburan yang terletak dalam wilayah bidang kuasa yang tidak menyertai, saya membandingkan tempat penubuhannya dengan senarai dikemas kini OECD yang senaraikan wilayah bidang kuasa yang menyertai dan mengesahkan bahawa pemohon telah mengesahkan statusnya dengan betul.

**Saksi/Pengesahan/Pengiktirafan/Disyorkan/Dikendalikan/ Oleh Kakitangan jualan/ Teller/ Kakitangan Pejabat Depan/ Wakil Bank**

**Nama**
**Jawatan**
**Tarikh (hh/bb/tttt)**

**Disemak oleh Kakitangan Jualan/ Pegawai Bank**

**Nama**
**Jawatan**
**Tarikh (hh/bb/tttt)**

Permulaan

## TERMA DAN SYARAT

**1. TUJUAN**

Anda (iaitu Pemohon/peminjam) hanya akan menggunakan Kemudahan Bukan Margin atau Pembiayaan Margin Saham atau Pembiayaan Portfolio ("Kemudahan") untuk dagangan saham, syer, sekuriti lain dan sebarang aset yang diterima atau disenaraikan di mana-mana bursa yang diluluskan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB" atau "Bank") atau firma pelaburan lain seumpamanya (termasuk broker saham, pengurusan aset, penerbit) ("Syarikat") sama ada di Malaysia atau di mana-mana negara lain.

Bagi tujuan tersebut, "Sekuriti" termasuklah ekuiti, bon, debentur, saham debentur, sijil deposit, bil perbendaharaan, bil pertukaran, unit atau faedah dalam unit amanah atau dana amanah atau sebarang jenis skim pelaburan kolektif, waran, opsyen, segala derivatif (selain daripada Pelaburan Berstruktur) bagi yang tersebut, produk berstruktur yang disekuritikan seperti nota, waran atau sijil, anuiti, sijil hutang yang boleh dicabut undi untuk penebusan, bon gadai janji dan sebarang faedah, haka tau harta lain, sama ada dalam bentuk instrumen atau sebaliknya, yang lazimnya dikenali sebagai sekuriti dalam bidang kuasa di mana ia diwujudkan atau diterbitkan.

Bagi tujuan tersebut, melainkan diberitahu sebaliknya secara bertulis, ABMB dan/atau Syarikat tersebut diberi kebenaran untuk membuka, sekiranya perlu, akaun sekuriti dengan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. ("Bursa Malaysia Depository") atau mana- mana depositori pusat atau agensi penjelasan yang diselenggara oleh AllianceGroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd/AllianceGroup Nominees (Asing) Sdn Bhd sebagai penama anda (Akaun CDS) dan untuk bertindak atas segala permintaan dan arahan (sama ada secara lisan, bertulis, elektronik atau sebaliknya) sama ada yang dikeluarkan oleh anda atau Syarikat untuk menggunakan Kemudahan bagi tujuan penyelesaian segala dagangan/urus niaga Sekuriti dan pelaburan lain (termasuk pembayaran segala caj, faedah dan penalti yang dikenakan oleh ABMB atau Syarikat tersebut yang berkait dengannya) yang dibuat oleh anda atau bagi pihak anda di bawah Kemudahan tersebut.

Semua urus niaga atau jual beli dalam Sekuriti dan pelaburan lain yang dijalankan oleh anda atau bagi pihak anda, mesti dilaksanakan melalui Syarikat seperti yang ditentukan oleh ABMB. Melainkan dimaklumkan sebaliknya secara bertulis, ABMB dan/atau Syarikat tersebut akan diberi kuasa untuk membuka akaun sekuriti dengan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. ("Bursa Malaysia Depository") atau mana-mana depositori berpusat atau agensi penjelasan yang diselenggarakan oleh AllianceGroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd/AllianceGroup Nominees (Asing) Sdn Bhd sebagai penama anda ("Akaun CDS") dan untuk bertindak atas semua permintaan dan arahan (sama ada secara lisan, bertulis, elektronik atau sebaliknya) daripada anda atau oleh Syarikat bagi menggunakan Kemudahan untuk penyelesaian semua urus niaga termasuk pembayaran semua caj, faedah dan penalti yang dikenakan oleh ABMB atau Syarikat tersebut berhubung dengan urus niaga tersebut.

**2. KEMUDAHAN**

2.1 Akaun Kemudahan boleh didapati menerusi ABMB dan/atau Syarikat sebagaimana yang dilantik oleh ABMB.

2.2 Bank tidak akan memberikan kemudahan kredit kepada anda di bawah Kemudahan Bukan Margin.

2.3 Segala pembelian Sekuriti melalui Kemudahan Bukan Margin mesti dibuat menggunakan dana yang tersedia dalam kredit Kemudahan anda ("Dana Tersedia"). Walaupun begitu, Bank boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan anda had dagangan bagi Kemudahan Bukan Margin. Had dagangan tersebut mewakili amaun maksimum termasuklah pembrokeran dan kos lain yang berkaitan yang boleh anda gunakan untuk membuat pembelian Sekuriti pada bila-bila masa di bawah Kemudahan Bukan Margin.

2.4 Sebaik sahaja membuat pesanan belian, Bank akan memperuntukkan sejumlah amaun daripada Dana Tersedia yang bersamaan dengan jumlah harga belian Sekuriti tersebut, termasuk semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan sehingga transaksi diselesaikan. Dana ini tidak akan tersedia untuk pengeluaran. Jika had dagangan diberikan, anda mesti segera membayar sebarang kekurangan dalam Dana Tersedia yang diperuntukkan bagi memastikan semua pembelian yang dibuat bagi pihak anda diselesaikan pada tarikh matang masing-masing.

2.5 Bank akan memberikan anda kemudahan kredit (sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain) di bawah Akaun Pembiayaan Margin Saham dan/atau Akaun Pembiayaan Portfolio. Anda dikehendaki menerima dan menandatangani satu set dokumen guaman termasuklah Surat Tawaran, Memorandum Gadaian, Perjanjian Kemudahan, dan Surat Jaminan (sekiranya ada). Butiran lengkap mengenai Kemudahan dan obligasi anda akan dinyatakan dalam dokumen guaman tersebut.

**3. URUS NIAGA SEKURITI**

3.1 Segala Sekuriti yang dibeli di bawah Kemudahan tersebut akan didepositkan dan disimpan untuk anda dalam Akaun CDS atau mana-mana akaun lain yang ditentukan oleh Bank dan/atau Syarikat.

3.2 Melainkan Bank memberikan kelulusan bertulis, penjualan Sekuriti secara langsung tidak dibenarkan di bawah Kemudahan tersebut. Sebarang arahan untuk menjual Sekuriti hanya akan diterima sekiranya Sekuriti tersebut dipegang di bawah Kemudahan pada masa arahan diberikan kepada Bank. Sekiranya jualan secara langsung dibenarkan oleh Bank, anda mesti memastikan bahawa Sekuriti yang dijual secara langsung tersebut dipindahkan ke Akaun CDS yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 di atas dan diberikan "free status" tepat pada masanya untuk penyelesaikan. Bagi tujuan penggunaan tersebut, "jualan secara langsung" bermaksud jualan Sekuriti yang belum dikreditkan ke dalam Akaun CDS penjual pada masa penjualan tersebut.

3.3 Anda selanjutnya bersetuju dan mengakui bahawa sebarang permintaan dan arahan berkaitan urus niaga Sekuriti dibuat berdasarkan penilaian bebas anda sendiri. Anda tidak bergantung pada sebarang perwakilan oleh Bank, sama ada tersirat atau dinyatakan, atau pada sebarang maklumat yang dihantar oleh Bank. Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang mungkin anda tanggung atau alami aakibat urus niaga tersebut.

**4. AMAUN LAMPAU TEMPOH**

4.1 Segala amaun yang tertunggak di bawah Kemudahan anda (termasuklah kerugian dagangan) mesti dijelaskan dengan kadar segera oleh anda pada tarikh bayaran yang ditetapkan masing-masing. Bank boleh, mengikut budi bicaranya, menghubungi anda sama ada secara lisan atau bertulis untuk menyelesaikan segala amaun yang masih tertunggak tersebut dalam masa empat (4) hari perniagaan dari tarikh notis secara lisan atau dari tarikh notis bertulis, mana-mana yang lebih awal. Notis bertulis tersebut mungkin dijana oleh komputer dan tidak memerlukan tandatangan atau mungkin termasuk tandatangan pegawai Bank dalam bentuk cetakan faksimili.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

4.2 Sekiranya anda gagal atau lalai untuk menjelaskan pembayaran amaun yang tertunggak mengikut tarikh yang telah ditetapkan atau seperti yang dikehendaki dalam notis secara lisan/bertulis, Bank dan/atau Syarikat dibenarkan tanpa notis kepada anda untuk menggantung Kemudahan,dan mengambil mana-mana tindakan berikut:

(i) Menjual amaun Sekuriti di bawah Kemudahan tersebut atau sebaliknya yang berada dalam simpanan, jagaan atau kawalan Bank atau Syarikat yang dianggap wajar oleh salah satu pihak dan untuk menggunakan hasil jualan tersebut, dan/atau

(ii) Menggunakan wang yang terdapat dalam mana-mana akaun anda di Bank (sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain) untuk menjelaskan amaun tertunggak menurut cara serta terma dan syarat tersebut tanpa dipertanggungjawabkan kepada anda atas sebarang kerugian yang ditanggung atau penyusutan nilai Sekuriti. Tanpa prejudis terhadap remedi yang tersedia untuk Bank dan/atau Syarikat seperti yang dinyatakan di atas, segala amaun tertunggak di bawah Kemudahan anda akan melibatkan faedah. Bagi Kemudahan Bukan Margin yang mempunyai amaun tertunggak, faedahnya adalah pada kadar yang dikira sebagai agregat (a) tiga perpuluhan lima peratus (3.5%) setahun dan (b) Kadar Pinjaman Bank untuk jumlah yang terlebih keluar. Bagi Kemudahan Margin Saham dan Pembiayaan Portfolio dengan amaun tertunggak pula, faedahnya adalah dikira sebagai agregat

(a) kadar yang ditetapkan iaitu sebanyak satu peratus (1.0%) setahun dan (b) kadar yang ditetapkan (Kadar Asas Standard ditambah margin) sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran, dari tarikh amaun tersebut perlu dibayar sehingga tarikh pembayaran penuh (sebelum dan selepas pertimbangan). Kadar Asas Standard bermaksud Kadar Dasar Semalaman (OPR) semasa, yang mencerminkan pendirian dasar monetari sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, sekiranya Kadar Asas Standard tidak lagi terpakai, Bank boleh menggunakan apa-apa kadar yang serupa atau bersamaan yang dirujuk sebagai apa juga nama atau yang disebut.

### 5. PAJAKAN SEKURITI DAN AKAUN

5.1 Sekiranya Had Dagangan atau Had Kredit diberikan, segala Sekuriti yang dipegang bagi pihak anda di bawah Kemudahan tersebut, sama ada yang dibeli sebelum atau selepas Had Dagangan atau Had Kredit diberikan (“Sekuriti yang Dipajak") dan semua wang yang berada dalam kredit Akaun Penyelesaian yang Ditentukan (seperti yang ditakrifkan di bawah), akan dicaj kepada Bank sebagai ejen sekuriti bagi pihaknya sendiri dan Syarikat sebagai jaminan berterusan bagi pembayaran atau pelepasan segala wang, obligasi dan liabiliti sama ada prinsipal, faedah, atau amaun lain yang mungkin kini atau bila-bila masa pada masa hadapan perlu dijelaskan, terhutang atau perlu ditanggung oleh anda kepada Bank dan/atau Syarikat. Bagi tujuan tersebut, segala Sekuriti yang Dipajak akan disimpan dalam akaun sekuriti yang dicagarkan di Bank.

5.2 Bank berhak dan mempunyai kebenaran untuk (a) menggunakan wang yang berada dalam kredit Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan (seperti yang ditakrifkan di bawah); dan (b) menjual atau sebaliknya melupuskan kesemua atau mana-mana Sekuriti Gadai Janji pada masa atau masa-masa tersebut, pada harga tersebut dan dengan cara sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank dan/atau Syarikat di mana adanya keperluan untuk menggunakan hasil daripada amaun yang perlu dibayar oleh anda kepada Bank dan/atau Syarikat tanpa dipertanggungjawabkan kepada anda kerana sebarang kerugian yang ditanggung perlu ditanggung oleh anda.

5.3 Bank berhak untuk meminta anda menyediakan sekuriti tambahan dan/atau untuk mengganti sebarang sekuriti sedia ada. Segala kos yang terlibat dengannya akan ditanggung oleh anda.

### 6. KUASA BANK

Bank berhak untuk:

6.1 mengubah istilah yang terkandung di sini, kadar faedah yang dinyatakan dalam Fasal 4.2 di sini (termasuk kadar mungkir, margin dan Kadar Asas Standard) dan lain-lain margin dan/atau had yang berkenaan dengan Kemudahan dengan notis terlebih dahulu;

6.2 mengenakan had harga (harga tetap) ke atas sebarang Sekuriti pada bila-bila masa bagi tujuan pengiraan Had Dagangan atau Had Margin dan/atau sebarang komponen yang berkenaan dengannya

6.3 sekiranya Had Dagangan atau Had Kredit diberikan, mengubah penilaiannya terhadap Sekuriti yang Dipajak dari semasa ke semasa;

6.4 menghadkan/menolak pembelian/jualan sebarang Sekuriti tertentu atau jumlah Sekuriti yang boleh dibeli/dijual;

6.5 Sebarang tuntutan yang berkaitan dengan sebarang kontrak yang ditolak (termasuk kerugian kontra yang berikutan) tidak akan dilayan oleh Bank kecuali sekiranya Bank menerima permohonan bertulis bagi penyelesaian dalam bentuk kontra atau surat yang ditandatangani sewajarnya oleh anda. Walaupun terdapat permohonan bertulis, Bank tetap mempunyai kebebasan untuk menolak permohonan tersebut. Kontrak yang ditolak tersebut akan diselesaikan secara langsung antara anda danSyarikat.

6.6 untuk mengkreditkan ke dalam Kemudahan segala hasil jualan dan segala dividen/ agihan pendapatan/ kupon yang diterima oleh Bank yang berkenaan dengan Sekuriti anda;

6.7 mendaftarkan segala saham atas nama penamanya (kos dan perbelanjaan pendaftaran tersebut akan ditanggung oleh anda);

6.8 mengubah Kemudahan, dan sekiranya Had Dagangan atau Had Kredit diberikan, meminta sekuriti tambahan dan/atau gantian atau menarik balik Kemudahan tersebut sekiranya pada bila-bila masa Bank menganggap sekuriti yang diberikan tersebut adalah tidak mencukupi

6.9 sekiranya anda meninggal dunia atau menjadi tidak siuman, untuk dengan segera atau pada bila-bila masa selepas itu, melaksanakan jualan paksa dan/atau membubarkan Sekuriti dan menolak selesai sebarang amaun yang terhutang kepada Bank berdasarkan cagaran yang disandarkan pada akaun tersebut dan melaksanakan segala hak di bawah Fasal 4.2 yang terkandung di sini; dan

6.10 melaksanakan dagangan melalui akaun CDS yang ditetapkan/akaun kelayakan di bawah AllianceGroup Nominees (Tempatan/ Asing) Sdn Bhd yang diperuntukkan kepada anda. Akaun CDS anda akan dihubungkan dengan akaun anda yang dibuka untuk Kemudahan.

6.11 Bank berhak untuk menambah, mengubai suai atau memadam mana-mana Terma and Syarat ini atau terma khusus pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis 21 hari lebih awal sebelum perubahan tersebut dilaksanakan. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada Tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Dalam situasi di mana perubahan dibuat selaras dengan undang-undang atau peraturan, bersifat pentadbiran atau bagi tujuan penjelasan, notis dalam tempoh yang lain singkat atau notis serta-merta akan diberikan.

### 7. KEMUNGKIRAN SILANG

Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung di dalamnya, sekiranya anda melanggar mana-mana terma dan syarat ini atau dalam mana-mana perjanjian lain dengan Bank, sama ada bagi penggunaan sebarang akaun bukan margin yang lain atau akaun pembiayaan margin atau sebarang kemudahan perbankan/dagangan lain, Bank boleh, menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda, menamatkan Kemudahan di mana segala wang yang terhutang kepada Bank oleh anda dengan serta-merta akan menjadi bayaran yang telah sampai tempoh dan perlu dibayar.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**8. PENGELUARAN JAMINAN**

Anda boleh mengeluarkan mana-mana bahagian Sekuriti di bawah Kemudahan tertakluk kepada terma-terma berikut:

8.1 bagi Sekuriti Gadai Janji, dengan kelulusan Bank terlebih dahulu

8.2 notis yang diberikan terlebih dahulu kepada Bank dalam tempoh tiga (3) hari perniagaan;

8.3 pengeluaran tidak akan melanggar sebarang terma dan syarat yang mengawal Kemudahan tersebut; dan

8.4 anda perlu membayar fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dan/atau Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd dari semasa ke semasa yang berkaitan dengannya dan selanjutnya menanggung segala kos pengeluaran tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, Sekuriti yang dikeluarkan daripada Kemudahan tidak boleh diuruskan di bawah Kemudahan tersebut.

**9. JAMINAN**

Sekiranya kami adalah sebuah syarikat, Bank boleh meminta Jaminan Bersama dan Berasingan daripada semua pengarah kami ("Jaminan") untuk menjamin bayaran bagi seluruh jumlah yang terhutang dari semasa ke semasa oleh saya/kami di bawah kemudahan tersebut.

**10. TEMPOH**

Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada semakan semula oleh Bank dari semasa ke semasa dan Bank dengan nyatanya berhak untuk menamatkan Kemudahan tersebut pada bila-bila masa menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu.

**11. PENGGUNAAN**

Kemudahan tersebut sedia untuk digunakan setelah selesai segala dokumentasi dan formaliti berkenaan terma dan syarat yang terkandung di sini.

**12. DOKUMENTASI**

Anda perlu menyempurnakan dokumen lain yang berkenaan dengan Kemudahan tersebut, sekiranya dikehendaki oleh Bank.

**13. PELANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN ANDA**

Anda dengan ini melantik Bank sebagai ejen anda bagi segala perkara yang berkaitan dengan Kemudahan dan memberi kebenaran kepada Bank untuk melaksanakan perkara yang berkaitan dengannya untuk dan bagi pihak anda, termasuklah, tetapi tidak terhad kepada:

13.1 Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan

(i) membuka akaun semasa (sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain) atas nama anda dengan Bank (atau mana- mana bank lain yang akan ditentukan oleh Bank), sebagai akaun amanah/akaun penyelesaian klien ("Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan") untuk mendebit dan mengkreditkan segala wang yang berkaitan dengan urus niaga anda dengan Bank, termasuk dan tidak terhad kepada transaksi dagangan, urus niaga Sekutiti, akaun dagangan dan sebarang transaksi dan/atau akaun lain anda dengan Bank. Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan akan dikendalikan oleh Bank yang dilantik untuk mengendalikan akaun dan/atau transaksi anda dari semasa ke semasa dan anda dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mengendalikan Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan khusus bagi tujuan di atas dan juga membenarkan Bank menutup Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan dan sekiranya perlu, melaksanakan segala kebenaran, arahan, surat indemniti, borang dan/atau dokumen kepada bank tersebut untuk memudahkan pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan tersebut.

(ii) memberi kebenaran kepada Bank menguntukkan wang di dalam Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan dan/atau untuk mendebit wang daripada Akaun Penyelesaian yang Ditetapkan dan/atau untuk menggunakan wang di dalamnya untuk menyelesaikan sebarang amaun yang terhutang kepada Bank atau yang akan terhutang oleh anda kepada Bank dari semasa ke semasa. Merujuk perkara di atas, Bank dengan ini diberi kebenaran oleh anda untuk memberi arahan, permohonan dan pembertahuan sebagaimana perlu untuk memudahkan dan/atau untuk melaksanakan yang tersebut di atas. Anda selanjutnya mengesahkan bahawa anda memahami dan menyedari bahawa dalam situasi tersebut, anda hanya berhak ke atas baki wang tersebut selepas penyelesaian sepenuhnya segala wang yang terhutang kepada Bank dan/atau segala wang yang perlu dibayar kepada Bank selepas itu (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang liabiliti kontingen). Selain itu, anda dengan ini memberi kebenaran kepada Bank, untuk mendedahkan di kalangan mereka dan kepada Syarikat maklumat berkaitan akaun dan/atau transaksi anda dan untuk memudahkan dan/atau membolehkan pelaksanaan perkara yang tersebut diatas.

(iii) Kebenaran dan pengesahan yang terkandung di sini akan mengikat pewaris, pengganti hak milik, wakil peribadi, pemegang serah hak yang dibenarkan, wasi, pentadbir, penerima dan pemegang amanah kebankrapan dan harta anda.

13.2 membuka, menyelenggara dan menutup akaun dagangan dengan Syarikat;

13.3 membuka, menyelenggara dan menutup akaun dengan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd atau mana-mana depositori pusat atau agensi penjelasan;

13.4 membuat pesanan bagi jualan dan pembelianSekuriti;

13.5 membuat dan menerima bayaran bagi jualan dan pembelian Sekuriti;

13.6 Urus niaga kontra yang berkaitan dengan kontrak pembelian terdahulu adalah tertakluk kepada kelulusan Bank dan tertakluk kepada keperluan yang berkaitan atau bursa(-bursa) yang berkaitan (termasuklah bursa(-bursa) asing, sekiranya berkenaan).

13.7 bagi transaksi tanpa urus niaga kontra, segala pembelian dan jualan perlu membuat pembayaran dan penyelesaian dalam tempoh penyelesaian yang telah ditentukan oleh bursa(-bursa) yang berkenaan masing-masing di mana transaksi tersebut dibuat dan/atau syarat-syarat yang berkaitan.

**14. TERMA DAN SYARAT YANG DITETAPKAN OLEHBROKER SAHAM**

14.1 Anda bersetuju bahawa anda akan terikat dengan segala terma dan syarat yang dikenakan oleh Syarikat dari semasa ke semasa yang akan merangkumi tetapi tidak terhad kepada terma dan syarat yang terkandung di sini.

14.2 Anda bersetuju akan terikat dengan peraturan dan pengawalan Bursa Saham yang Diluluskan dan mana-mana badan kawal selia yang berkaitan yang mentadbir pembelian dan jualan Sekuriti yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

14.3 Oleh kerana pelaburan dalam Sekuriti melibatkan risiko, anda bersetuju bahawa Syarikat berhak pada bila-bila masa untuk menghadkan pembelian atau jualan yang diarahkan oleh anda.

14.4 Sekiranya Syarikat perlu melaksanakan pembelian paksa/penjualan paksa berkaitan dengan sebarang urus niaga yang dibuat untuk anda atau bagi pihak anda, anda perlu menyelesaikan perbezaan dan caj yang berkaitan dengan Syarikat menggunakan dana yang sedia digunakan dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Syarikat, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, anda bertanggungjawab membayar faedah/caj kepada Syarikat pada kadar yang akan diputuskan dan ditetapkan olehnya.

14.5 Syarikat boleh menamatkan Kemudahan anda dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda atau kepada Bank sebagai ejen anda, dan meminta bayaran sebarang amaun yang perlu anda jelaskan kepadanya.

**15. PEMBERIAN KUASA KEPADA BANK**

Anda dengan ini bersetuju bahawa:

15.1 Bank diberi kuasa untuk mendedahkan kepada Syarikat maklumat mengenai anda dan Kemudahan tersebut;

15.2 Bank berhak untuk menganggap bahawa sebarang permintaan untuk pembayaran dan notis dan/atau arahan lain yang diterima olehnya sama ada daripada anda atau Syarikat adalah benar dan tidak perlu membuat sebarang pertanyaan untuk memastikan bahawa arahan tersebut adalah benar atau untuk membuat pertanyaan mengenai tujuan bagi sebarang pembayaran yang diminta oleh Syarikat dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang pengeluaran/pendebitan atau sebaliknya yang dibuat oleh Bank merujuk kepada notis dan/atau arahan tersebut;

15.3 Anda bersetuju bahawa Bank, Syarikat serta kakitangan dan ejen mereka tidak berperanan sebagai penasihat pelaburan. Segala arahan jualan dan belian anda adalah keputusan anda sendiri. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul akibat kegiatan dagangan atau urus niaga anda, atau daripada atau disebabkan oleh sebarang tindakan atau peninggalan oleh Syarikat, ejen dan kakitangannya atau mana- mana individu yang bekerja dengan Bank atau Syarikat yang terlibat dalam jualan dan belian Sekuriti tersebut; dan

15.4 merujuk kepada Fasal 6 yang terkandung di atas, Bank mengekalkan haknya untuk mengubah terma-terma dan/atau syarat-syarat tersebut atau aspek Kemudahan yang lain pada bila-bila masa dan menurut budi bicaranya selepas memberikan notis kepada anda terlebih dahulu.

**16. KEPELBAGAIAN TERMA DAN SYARAT**

Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada tempoh kajian semula Bank dan sebarang perubahan yang seterusnya boleh dilaksanakan menurut budi bicara Bank dan perubahan tersebut akan diberitahu kepada anda dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada Tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Dalam situasi di mana perubahan dibuat selaras dengan undang-undang atau peraturan, bersifat pentadbiran atau bagi tujuan penjelasan, notis dalam tempoh yang lain singkat atau notis serta-merta akan diberikan.

**17. PENDEDAHAN MAKLUMAT**

17.1 Melainkan diberitahu sebaliknya secara bertulis, anda bersetuju dan membenarkan Bank dan pegawai serta kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat berkenaan butiran dan hal ehwal anda (kewangan atau sebaliknya), perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan anda atau perniagaan dan operasi anda dengan individu dalam kelas berikut menurut cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank:

(i) Syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank serta syarikat-syarikat yang berkaitan/sekutu tersebut secara kolektifnya dirujuk sebagai "Kumpulan Alliance Bank") dan pemegang serah hak dan pengganti hak milik. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, jualan silang dan lain-lain tujuan Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank dengan syarat pendedahan bagi tujuan jualan silang tidak akan dibuat sekiranya pendedahan tersebut ditentang oleh anda menerusi pemberitahuan secara bertulis kepada Bank;

(ii) mana-mana individu bagi atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding yang dilaksanakan untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank;

(iii) badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-duanya di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Foreign Account Tax Compliance Act of the United States;

(iv) bank-bank atau institusi kewangan lain termasuklah Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya boleh diguna pakai) dan sebarang pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan IslamMalaysia;

(v) Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tak Laku, biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit;

(vi) akauntan, auditor, peguam, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank;

(vii) penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank;

(viii) mana-mana entiti yang layak yang dianggap wajar oleh Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, dakwaan penipuan/pemalsuan/sebarang jenayah yang didakwa dilakukan menerusi Akaun Dagangan dan/atau oleh anda;

(ix) mana-mana pihak luar sebagaimana yang perlu bagi sebarang pelaksanaan korporat/kegiatan usaha wajar yang dijalankan oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;

(x) mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan niat untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank/merujuk kepada sebarang cadangan pengaturan, penggubahan, penggabungan, pengambilalihan/penstrukturan semula antara Bank dan pihak tersebut;

(xi) Syarikat tersebut, dan

(xii) mana-mana individu atau entiti lain dengan persetujuan anda terlebih dahulu.

17.2 Anda dengan ini bersetuju dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Alliance Bank, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan kerana memberikan maklumat tersebut atau akibat daripada sebarang pergantungan kepada maklumat yang diberikan menurut Terma dan Syarat tersebut.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**18. UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR**

Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan anda dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

**19. PENAMATAN KEMUDAHAN**

Bank boleh, menurut budi bicaranya, menamatkan Kemudahan tersebut selepas memberikan notis kepada anda terlebih dahulu.

**20. PERBELANJAAN SAMPINGAN**

20.1 Segala fi guaman dan profesional, duti setem, fi pendaftaran, cukai dan sebagainya serta sebarang perbelanjaan tunai langsung yang lain atau fi yang terlibat merujuk kepada Kemudahan ini akan ditanggung oleh anda.

20.2 Segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank termasuklah kos guaman atas dasar peguam cara/klien bagi menguatkuasakan sebarang terma dan syarat atau bagi mendapatkan bayaran sebarang jumlah yang telah sampai tempoh dan perlu dibayar akan ditanggung oleh anda.

20.3 Bank boleh mendebit mana-mana akaun anda bagi sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh anda di bawah Kemudahan tersebut.

**21. MATAWANG AKAUN DAGANGAN**

Semua jumlah wang yang ditawarkan di sini dan yang akan diterima oleh Bank adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) atau sebarang matawang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank.

Sekiranya Bank menerima atau mendapatkan sebarang jumlah yang terhutang atau perlu dibayar kepadanya di bawah atau berhungan dengan Kemudahan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia:

a) Bank mempunyai hak untuk menukarkan jumlah tersebut kepada Ringgit Malaysia mengikut amalan biasa Bank. Penukaran ini boleh dilakukan oleh Bank pada Tarikh ia boleh melakukannya. Semua kos yang ditanggung oleh Bank dalam menukarkkan jumlah tersebut akan ditanggung oleh anda;
b) Kewajipan dan liabiliti anda kepada Bank berkaitan jumlah tersebut hanya akan dianggap sebagai dilunaskan atau dipenuhi sejauh jumlah Ringgit Malaysia yang diperoleh Bank daripada penukaran jumlah tersebut setelah memotong kos yang ditanggung oleh Bank dalam penukaran tersebut; dan
c) Sekiranya jumlah Ringgit Malaysia yang diperoleh Bank daripada penukaran tersebut selepas memotong kos yang ditanggung oleh Bank kurang daripada jumlah yang terhutang atau perlu dibayar kepada Bank, anda mesti segera membayar kekurangan tersebut kepada Bank bersama dengan faedah ke atasnya.

**22. NOTIS**

Sebarang notis kepada anda yang perlu dibuat secara bertulis akan dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya sekiranya:

22.1 ia dihantar kepada anda dengan perkhidmatan pos biasa ke alamat terakhir anda yang terdapat dalam rekod Bank; atau

22.2 diiklankan sekali di mana-mana akhbar.

**23. KHIDMAT NASIHAT GUAMAN BEBAS DAN PELANGGAN RENTAN**

23.1 Anda disarankan untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman bebas dengan kos dan perbelanjaan anda sendiri sebelum menyempurnakan Borang Permohonan ini dan sebarang dokumen Kemudahan yang disediakan oleh Bank.

23.2 Sekiranya, anda dianggap sebagai pelanggan rentan, termasuk tetapi tidak terhad kepada individu yang warga emas, mempunyai literai kewagnan yang terhad, atau kecekapan Bahasa Inggeris yang terhad, anda digalakkan untuk mendapatkan nasihat kewangan, nasihat guaman atau nasihat professional lain secara bebas sebelum menandatangi Borang Peromohan ini atau menggunakan Kumudahan tersebut. Anda harus memastikan bahawa anda memahami terma, syarat, ciri-ciri risiko Kemudahan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kemungkinan kerugian nilai pelaburan serta hak Bank untuk meminta cagaran tambahan atau pembayaran balik jika difikirkan perlu.

**24. PERUNTUKAN UNTUK KEMUDAHAN BERSAMA**

Sekiranya Akaun Dagangan tersebut ditawarkan kepada lebih daripada seorang individu, liabiliti setiap seorang daripada kami di bawah Kemudahan tersebut adalah secara bersama dan berasingan walaupun Akaun CDS diselenggarakan bagi pihak salah seorang daripada kami sahaja. Bank mempunyai kuasa untuk bertindak mengikut arahan daripada salah seorang daripada kami mengenai operasi Kemudahan tersebut. Sekiranya salah seorang daripada kami meninggal dunia, tertakluk kepada hak Bank untuk menjual secara paksa dan mengimbangi seperti yang terkandung di sini, orang yang masih hidup diberi kuasa untuk mengeluarkan sebarang baki kredit di bawah Kemudahan tersebut.

**25. KEMUDAHAN MENGATASI YANG LAIN**

Sekiranya terma-terma Borang Permohonan ini (atau sebarang tambahan kepadanya) bercanggah dengan mana-mana dokumen lain yang disempurnakan berhubung dengan Kemudahan tersebut, terma-terma pada Borang Permohonan ini (sebagaimana yang ditambah) akan mengatasi yang lain.

**26. PENGGANTI ADALAH TERIKAT**

Segala urusan, kovenan, terma dan syarat yang terkandung di sini akan mengikat pewaris, pengganti, wasi, pentadbir dan wakil peribadi anda.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**27. PENGECUALIAN LIABILITI**

27.1 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi:

(i) sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh anda yang disebabkan oleh sebarang tindakan, ketinggalan atau insolvensi sebarang entiti yang menyediakan kemudahan depositori pusat, penjelasan, dan/atau penyelesaian;

(ii) sebarang kerugian atau kerosakan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) yang disebabkan sebarang kegagalan untuk menerima atau kelewatan dalam menerima sebarang arahan atau komunikasi yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak anda (atas apa juga sebab) begitu juga bagi sebarang kelewatan, ketinggalan atau gangguan dalam penyampaian sebarang arahan melalui sebarang peralatan, sistem, rangkaian telekomunikasi atau sebarang cara lain; atau

(iii) sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh anda sekiranya prestasi obligasi Bank mengalami gangguan, kelewatan atau dihalang oleh keadaan, tindakan atau kejadian di luar kawalannya. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada pertikaian industri, tindakan atau peraturan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau bursa saham atau kerosakan, kegagalan atau kepincangan tugas perkhidmatan atau sistem telekomunikasi atau komputer.

**28. PENEPIAN**

Sebarang kegagalan atau kelewatan pihak Bank untuk menegaskan pematuhan anda terhadap sebarang urusan, kovenan, terma dan syarat atau sebarang kegagalan atau kelewatan pihak Bank untuk melaksanakan mana-mana hak, kuasa, kebenaran, budi bicara atau remedi Bank di bawah terma-terma yang terkandung di sini atau sebarang perlakuan tersebut yang berterusan oleh Bank, tidak akan diertikan sebagai dan tidak akan menjadi penepian bagi sebarang pelanggaran atau kemungkiran pada pihak anda atau penepian atau pelepasan secara umum atau khusus oleh Bank terhadap sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru kepada Bank.

**29. KETAKSAHAN SEBARANG PERUNTUKAN**

Sekiranya mana-mana peruntukan di sini atau mana-mana bahagiannya adalah tidak sah, tidak berlandaskan undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua cara, kesahan, kelayakan dan keberkesanan peruntukan atau bahagian yang tinggal tidak akan terjejas dalam apa jua cara.

**30. LAIN-LAIN**

Sekiranya anda mendaftar dengan Bank untuk membeli dan menjual Sekuriti melalui Kemudahan Bukan Margin atau Kemudahan Margin Saham atau Pembiayaan Portfolio pada platform dagangan dalam talian dan/atau aplikasi mudah alih, fi sebanyak RM25.00 bagi setiap setengah tahun akan dikenakan. Fi ini aka diketepikan sekiranya jumlah dagangan anda (pusing ganti) adalah sekurang-kurangnya RM50,000.00 bagi tempoh setengah tahun tersebut. Bank boleh, pada bila-bila masa menerusi notis bertulis kepada anda mengubah fi tersebut, ambang pusing ganti dagangan dan/atau tempoh di mana fi tersebutdikenakan.

**31. ANTI-RASUAH DAN ANTI-PENYELEWENGAN**

Bank telah mewujudkan dan mengekalkan polisi serta prosedur yang direka untuk mencegah rasuah dan korupsi oleh Bank serta para pengarah, pegawai atau pekerjanya; dan setakat pengetahuan Bank, tiada seorang pun daripada Bank, pengarah, pegawai atau pekerjanya terlibat dalam apa-apa aktiviti atau kelakuan yang melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan anti-rasuah atau anti-penyelewengan yang terpakai kepada Bank. Bank tidak pernah, dan berikrar bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan urusan aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan, atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa Tindakan bagi tujuan pembayaran, sumbangan, hadiah, bayaran balik, atau pemindahan apa-apa bentuk nilai, atau apa-apa permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.

Dengan memohon produk/perkhidmatan ini, anda dengan ini mengakui bahawa anda telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar anti-rasuah dan anti-penyelewengan Bank yang boleh didapati di https://www.alliancebank.com.my/anti-bribery-and-corruption-summary-of-policy dan selanjutnya berjanji/berikrar bahawa anda tidak akan terlibat dalam apa-apa amalan rasuah dalam apa jua cara sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.

| |
|---|
| |
| Permulaan |

**Required Document Checklist**

**Individual**

- ☐ Copy of NRIC or Passport (foreigner) duly Original sighted
- ☐ Copy of Income Supporting Documents (i.e. latest BE/EA Form or Salary Slip or Bank Statement or CDS/Stockbroker Statement)
- ☐ Application Form duly signed & witnessed
- ☐ CDS Account Form (Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd)
- ☐ Authorisation to balance enquiry request
- ☐ Letter authorisation for direct credit facility
- ☐ Flexi 7/Discretionary Financing Additional Terms & Conditions
- ☐ Product Disclosure Sheet (PDS) to be given to customer (margin only)

**Corporate**

- ☐ Board Resolution
- ☐ Photocopy of Directors' NRIC/Passport (if non-resident) - Original sighted
- ☐ Photocopy of guarantor' NRIC/Passport (if non-resident) - Original sighted
- ☐ Photocopy of all guarantors' latest Pay slip/Bank Statement/Saving passbook/EA/BE/CDS Statement - Original sighted
- ☐ Employment Form (For Guarantor)
- ☐ Investment Accessment Form (For Guarantor)
- ☐ FATCA & CRS Form (For Guarantor)
- ☐ Additional Declaration - compensation fund specified under Capital Markets and Services Act 2007 (CMSA) (For Guarantor)
- ☐ Latest 3 months bank statements (original sighted by our Bank's Officer/CTC)
- ☐ Application Form duly signed & witnessed
- ☐ CDS Account Form (Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd)
- ☐ Letter authorisation for direct credit facility
- ☐ Authorisation to balance enquiry request
- ☐ Product Disclosure Sheet (PDS) to be given to customer (Margin only)
- ☐ CTC of latest Audited Accounts

**[Under Company Act 1965]**

- ☐ CTC of Memorandum & Articles of Association/By-Laws
- ☐ CTC of Form 8 or 9 - Certification of Incorporation
- ☐ CTC of Form 13 - Change of Company Name (if applicable)
- ☐ CTC of Form 24 - Return of Allotment of Shares
- ☐ CTC of Form 44 - Notification of Situation of Registered Office
- ☐ CTC of Form 49 - Particular of Directors, Managers and Secretaries

**[Under Company Act 2016]**

- ☐ CTC of Constitution
(Duly signed declaration of company does not have constitution)
- ☐ CTC of Section 14 & 15 - Application & Notice of registration
- ☐ CTC of Form 58 & 236 (2) - Notification of Appointment of First secretary
- ☐ CTC of Form under section 78 - Return of allotment of shares
- ☐ CTC of Form under section 58 - Notification of change in the Register of Directors, Managers and Secretaries
- ☐ CTC of Section 46(3) - Notification of change in the Registered Address

**Account Details**

**Sales Channel** ○ STC ○ A@W ○ Bank Branch ○ GCTB ○ SME & COMM ○ Secured Lending Hub ○ ADM - CCPL
○ ADM - Portfolio ○ Mortgage Sales Center ○ Banca ○ Others (Please specify): ____________________

**Staff ID** [ ] **Staff Name** [ ]

**ED Code** [ ]

**STC Code** [ ]

**Branch Code** [ ]
*(if different from STC code)*

***Wealth RM (For PF only)***

**Staff ID** [ ] **Staff Name** [ ]

*Please indicate "√" at the following if*
○ *Customer required the settlement account statement and portfolio statement via hardcopy (Only applicable to customer who is above 60 years old or (OKU) disabled person)*

**For External Margin Only** *(leave blank if not applicable)*

**Broker** ____________________________________________

**Remisier Name**
[ ]

**Remisier NRIC** [ ] **Remisier Code** [ ]

**Broker Branch/Address**
[ ]
[ ]

**Postcode** [ ] **City** [ ] **State** [ ]

**Country** [ ] **Tel. No.** [ ] **Fax No.** [ ]

**Other Remarks** ____________________________________________